



27 FEB, 2025

Siapa penggempur utama Speedy Tigers?

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Ketua jurulatih pasukan hoki kebangsaan, Sarjit Singh kini berdepan tugas berat bagi memilih penggempur yang bakal mengisi kekosongan Faizal Saari selepas peringkat prolifik itu memutuskan meninggalkan skuad Speedy Tigers.

Antara peledak paling layak mengisi kekosongan Faizal ialah Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal yang muncul penjaring terbanyak di Liga Hoki Malaysia (MHL) dua musim berturut-turut ketika mewakili Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu 40 gol pada musim 2023 serta 32 gol musim lalu, selain cemerlang ketika mewakili Speedy Tigers.



SIAPA PENGGANTI FAIZAL?



27 FEB, 2025

Siapa penggempur utama Speedy Tigers?

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

Siapa penggempur utama Speedy Tigers?

Azrai dilihat sebagai pengganti Faizal apabila meledak 21 gol dalam MHL musim ini, selain menjadi penjaring terbanyak pada tahun 2023 (40 gol) dan 2024 (32 gol).

Persaraan penyerang utama Faizal Saari daripada hoki antarabangsa memaksa Sarjit Singh mencari pengganti berkaliber dalam menjaringkan gol buat skuad Speedy Tigers.

Faizal yang telah mengumpul 302 kap dan menjaringkan 176 gol sepanjang 15 tahun bersama skuad kebangsaan, mengumumkan persaraannya selepas membantu Terengganu Hockey Team (THT) memenangi Piala TNB minggu lalu.

Kini, beberapa nama termasuk Azrai Aizad Abu Kamal dan Muhajir Abdul Rauf dikenal pasti sebagai calon pengganti.

"Namun, Azrai dan Muhajir masih memerlukan banyak latihan untuk mempertajamkan kemahiran mereka dan mencapai tahap permainan Faizal.

"Terdapat juga pemain lain dalam skuad yang berpotensi menjadi penyerang hebat Malaysia pada masa depan," kata Sarjit pada sidang media bagi mengu-

mumkan senarai 30 pemain yang akan berlatih bersama Speedy Tigers bagi musim 2025 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil pada Rabu.

Azrai yang berusia 26 tahun mewakili Tenaga Nasional dalam Liga Hoki Malaysia (MHL) dan merupakan penjaring kedua terbanyak musim ini dengan 21 gol.

Muhajir, 24, pula meskipun sekadar menjaringkan dua gol untuk Maybank dalam MHL tetapi dilihat sebagai bakat muda yang berpotensi untuk berkembang.

Sementara itu, mengulas pengunduran Faizal, Sarjit berkata: "Faizal pemain yang bagus tetapi kami perlu melangkah ke hadapan dan fokus pasukan sekarang adalah Sukan Asia 2026. Persiapan kami baru bermula pada Mac tahun lepas, jadi masih memerlukan masa. Harapnya tahun ini, pasukan semakin mantap dengan pemain muda."

Terdahulu, Sarjit memaklumkan lima daripada 30 pemain yang dipanggil adalah muka baharu dan

skuad kebangsaan akan memulakan latihan 3 Mac ini pada sebelah malam sempena Ramadan.

"Kami akan bermain dua perlawanan menentang Western Australia diikuti empat perlawanan menentang Australia di Perth. Semua perlawanan ini adalah aksi persahabatan yang dijadualkan dari 20 April hingga 2 Mei," katanya.

Sarjit berkata pasukan seterusnya akan beraksi dalam Piala Negara-Negara dari 15 hingga 21 Jun di Kuala Lumpur, sebelum menjalani latihan selama enam hingga lapan minggu sebagai persiapan untuk ke Piala Asia di India.

"Untuk Piala Negara-Negara, kami perlu berada dalam kelompok empat terbaik kerana itu sangat penting bagi kami. Kalau ikut ranking, kumpulan kami dijangkakan terdiri daripada Perancis, Malaysia, Korea dan Wales manakala kumpulan satu lagi membabitkan New Zealand, Afrika Selatan, Pakistan dan Jepun," katanya.